

Sistem Perceraian *Fast Track* Yang Digunakan Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Membantu Mempercepatkan Penyelesaian Permohonan Cerai

Norizan binti Razali (P117193)

Afiliasi: Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: P117193@siswa.ukm.edu.my

Abstract

The Fast Track Divorce System used at the Lower Sharia District Court of Selangor in Malaysia has been implemented starting in 2015 to play a role in saving time and making it easier for married couples who are forced to make the decision to divorce because they don't have to wait long for the divorce process. Prior to this, the divorce process took up to 90 days even though the husband and wife agreed to a good divorce. With this process, cases can be resolved more quickly, namely in just 6 hours. The Fast Track system is the idea of the Judges at the Selangor Sharia Judiciary Department (JAKESS) in order to resolve the piled up application cases because Selangor has a high population density. Therefore, the objective of this study is to highlight the independent study of the effectiveness of the Fast Track system. The study was made in a qualitative form by taking a statistical data analysis approach and analyzed descriptively with the theories of the law as the object of research. The literature review was carried out thematically and the results of the analysis found that the Fast Track Divorce System had achieved the objectives desired by JAKES.

Keywords: *Divorce; Fast Track; Selangor State Sharia Lower Court;*

Abstrak

Sistem Perceraian Fast Track yang digunakan di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor di Malaysia telah dilaksanakan mulai tahun 2015 dapat memainkan peranan dalam menjimatkan masa dan memudahkan pasangan suami isteri yang terpaksa mengambil keputusan bercerai kerana tidak perlu menunggu lama untuk proses perceraian. Sebelum ini proses perceraian menghabiskan masa sehingga 90 hari walaupun suami isteri bersetuju untuk bercerai secara baik. Dengan adanya proses ini, kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat iaitu dalam masa 6 jam sahaja. Sistem Fast Track ini merupakan idea para Hakim di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) demi untuk menyelesaikan kes-kes permohonan yang banyak tertumpuk kerana Negeri Selangor mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Justeru itu objektif kajian ini untuk menyoroti kajian lepas tentang keberkesanan sistem Fast Track ini. Kajian dibuat berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis data statistik dan dianalisis secara deskriptif dengan teori-teori Undang-Undang yang menjadi objek penelitian. Tinjauan literature dilakukan secara tematik dan hasil analisis mendapati Sistem Perceraian Fast Track ini telah mencapai objektif yang diinginkan oleh JAKESS.

Kata Kunci: Perceraian; *Fast Track*; Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor;

PENDAHULUAN

“Perceraian” atau juga dikenali sebagai Talak berarti melepaskan dan terlepas. Dari segi syarak, perceraian ialah merungkai ikatan perkawinan dengan lafaz talak dan sebagainya. (Mustofa Al Khin et 2014). Menurut Kamus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Perceraian bermaksud Perpisahan atau perpecahan. Talak dari segi bahasa bererti melepaskan simpul manakala dari segi istilah pula bermaksud melepaskan simpul atau ikatan pernikahan melalui lafaz talak atau lain-lain yang seumpama dengannya. Dengan penggunaan lafaz yang *sarih (jelas)*, talak jatuh walaupun dilafazkan tanpa niat.¹ Menurut Wahbah Al-Zuhaili, Pensyari’atan perceraian merupakan suatu rahmat dan langkah penyelesaian yang terakhir bagi kekusutan masalah yang menimpa suami isteri.²

Fast Track asal kata diambil dari Bahasa Inggeris *Fast* bermaksud cepat dan *Track* bermaksud Jalur, Secara bahasa *Fast Track* berarti “Jalur Cepat”. Jika kata ini digunakan di Mahkamah Syariah *Fast Track* merupakan cara suami menjatuhkan talak pada si isteri, dengan cepat dan mudah yang akan menjimat banyak masa. Dalam penelitian ini, *Fast Track* yang dimaksudkan adalah Sistem Perceraian *Fast Track* yang dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor berdasarkan Seksyen 47 Enakmen 2 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 (EUKIS). seksyen 47 bahagian V Enakmen 2 Tahun 2003 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor. Sistem Perceraian *Fast Track* ini lebih dikenal sebagai perceraian secara Talaq dengan persetujuan bersama kedua suami isteri untuk bercerai dan hadir bersama pada hari pemohonan perceraian dan perbicaraan dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah.

Negeri Selangor adalah satu dari tigabelas negeri dalam Malaysia dengan keluasan 8,104 km persegi dan penduduk seramai 6,518,500 org (anggaran 2018),. Ada sebelas daerah dalam Negeri Selangor. Bilangan penduduk di negeri Selangor merupakan yang paling ramai di Malaysia dengan taraf hidup yang sangat tinggi dan kadar kemiskinan paling rendah.

Mahkamah Syariah ialah institusi kehakiman yang berkuasa membicarakan serta menjatuhkan hukuman keatas orang-orang Islam bagi kesalahan-kesalahan sivil dan

¹ Yazid Maarof, Mohamad Kamil Ab. Majid, *Panduan Fiqh Munakahat, Pembelajaran Islam Amali*, (Selangor: Hazrah Enterprise, 2015).

² Wahbah Al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam jilid VII*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), hlm 472.

jenayah agama. Mahkamah Rendah Syariah merupakan tempat membicarakan kes tuntutan perceraian. Dengan mengikuti prosedur seksyen 47 bahagian V Enakmen 2 Tahun 2003 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (EUKIS) tentang perceraian dengan talaq atau dengan perintah yang mengandungi 15 fasa.

Hasil perbincangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) maka satu sistem diuji pakai yang dikenali sebagai sistem perceraian *Fast Track* yang dapat memendekkan waktu menunggu 90 hari kepada penyelesaian kurang 6 jam. Semua 12 Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Selangor mula melaksanakan sistem perceraian *Fast Track* ini mulai Jun 2015 sehingga sekarang.

PEMBAHASAN

A. PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Melalui Portal Resmi Majlis Agama Islam Selangor dalam kenyataan media oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), menjelaskan tentang diwujudkan “Kuanter khas (*Fast Track*) adalah bagi menyelesaikan rungutan dan aduan pelanggan Mahkamah Rendah Syariah yang mendakwa bahawa Mahkamah mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan kes-kes cerai di Negeri Selangor. Menurut Nur Zulfah Md Abdul Salam (2019),³ pewujudan proses kerja atau sisitem *Fast Track* ini adalah satu prosedur operasi standard (SOP) yang dibangunkan oleh JAKESS bagi mengkurangkan kerenah birokrasi dalam pengendalian kes-kes cerai yang difailkan atas persetujuan bersama di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (EUKIS) yang melibatkan proses pendaftaran, sebutan, perbicaraan, keputusan dan perintah yang sebelum ini mengambil masa yang lama sehingga 90 hari untuk diselesaikan. (JAKESS 2019).

³ Nur Zulfah binti Md Abdul Salam, *Perceraian secara fast track*. Buletin kuis. Fsu.kuis.edu.my/images/krc/buletin/artikel-2019.

Jadual 1: Jangkamasa kes selesai

	2013							
	2013		2014	2015	2016	2017	2018	
Jenis kasus	Daftar	Selesai	Selesai	Selesai	Selesai	Selesai	Selesai	Selesai
014 – Tuntutan fasakh	1.433	676	554	149	49	3	-	1.431
054 – Tuntutan Pengesahan lafaz cerai	3.855	2.755	927	108	59	3	2	3.854
055 – Tuntutan perceraian	4.591	3.404	992	133	58	-	2	4.589
056 – Tuntutan khuluk/Tebus talaq	37	25	8	3	1	-	-	37
057 – Tuntutan Pengesahan cerai Taklik	238	114	93	20	11	-	-	238

Sumber: Nurnazliya bt Zakaria (esyariah .gov.my)

Jadual I di atas merupakan statistik berbagai permohonan perceraian yang telah didaftarkan pada tahun 2013 dan selesai pada tahun-tahun kedepannya. Contoh jenis kes tuntutan perceraian kod kes no 055 pada tahun 2013 didaftar sebanyak 4.591 kes, dan hanya selesai pada tahun yang sama sebanyak 3.404 kes, manakala baki 1.187 kes dibicarakan dan selesai di tahun 2014 sebanyak 992 kes, seterusnya baki 195 kes permohonan 2013 dibicarakan dan selesai pada tahun 2015 sebanyak 133 kes dan baki 62 permohonan tahun 2013 dibicarakan pada tahun 2016 dan selesai sebanyak 58 kes. Ada baki lagi empat kes di tahun 2017 yang belum selesai dan akhirnya selesai dua kes lagi di tahun 2018, kes yang paling lama selesai hingga menghabiskan masa selama enam tahun.

Apabila berlaku kadar pendaftaran kes atau permohonan perceraian semakin meningkat menyebabkan berlakunya ‘backlog cases’ yaitu lambakan kes-kes yang tertangguh atau tetunggak. maka Sultan Selangor yaitu Sultan Sharafudin Idris Shah meminta Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, yang digelar JAKESS mencari jalan penyelesaian kepada keterlambatan selesai kes-kes permohonan cerai ini. JAKESS memperkenalkan proses perceraian *Fast Track* untuk menyelesaikan isu rumah tangga agar wanita tidak teraniaya disebabkan tempoh masa yang lama untuk selesai proses permohonan perceraian. Punca pelaksanaan sistem *Fast Track* adalah satu projek *Key Focus Activity* (KFA) yaitu satu rangka ke arah inovasi yang melibatkan proses pentadbiran sahaja dan ia adalah hasil idea Para Hakim Syarie Negeri Selangor.⁴

Objektif dilaksanakan proses perceraian *Fast Track* adalah untuk memastikan proses pengurusan pendaftaran kes Seksyen 47 EUKIS 2003 sehingga perintah bersih dikeluarkan dapat dilaksanakan dengan cepat, sistematik dan berkesan. Dimasa yang sama dapat memartabatkan system perundangan dan kehakiman syariah di Negeri Selangor Darul Ehsan. (Buliten JAKESS 2015).

Penulisan menggunakan metode kualitatif kepada norma Undang-Undang. Penelitian ini bersifat deskriptif dengan teori-teori Undang-Undang yang menjadi objek penelitian dalam mengkaji keberkesanan pelaksanaan sistem perceraian fast track ini bagi mengatasi masalah pertimbunan pemohonan penceraian di Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negeri Selangor itu.

B. KAJIAN LITERATUR


Menurut Kamalia binti Khairud Din (2019) kelewatan selesai permohonan perceraian adalah pendorong kepada pelaksanaan proses kerja sistem perceraian *Fast Track* oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Kamalia juga menulis tentang bentuk-bentuk perceraian yang di mohon di Mahkamah mengikut seksyen yang berbeza di dalam Enakmen 2 Undang-undang Keluarga Negeri Selangor (2003) iaitu Jenis kes kod 055 nama kes Tuntutan Perceraian , kod 056 tuntutan *Khuluk/tebus talaq*, kod 014 tuntutan *Fasakh* dan kod 057 tuntutan *tahlik* .

⁴ Nur Zulfah binti Md Abdul Salam, *Perceraian secara fast track*. Buletin kuis. Fsu.kuis.edu.my/images/krc/buletin/artikel-2019.

Pelaksanaan sistem *Fast Track* ini dijalankan secara *in-house* iaitu hanya melibatkan Mahkamah Rendah Syariah seluruh Negeri Selangor sahaja. Pelaksanaan sistem Fast Track ini hanya dapat dijalankan tertakluk kepada lima syarat yang berikut:

1. Dokumen mesti lengkap;
2. Suami dan isteri hadir semasa kes didaftarkan;
3. Suami dan isteri bersetuju untuk bercerai;
4. Isteri mesti dalam keadaan suci (tidak haid), ti dicamputi oleh suami dan tidak mengandung;
5. Mahkamah berpuashati dengan alasan pecah belah (*syiqaq*) dalam perkawinan tersebut. (jksm.gov).

Gambarajah 1.



Gambarajah 1 di atas memperlihatkan carta perbandingan aliran proses permohonan menggunakan sistem perceraian *fast track* dengan proses permohonan menggunakan sistem perceraian biasa yang dikenali sebagai sebutan kes.

Menurut Ely Nazihah binti Ahmad Yunus, perceraian membabitkan pasangan Islam di Negeri Selangor adalah amat membimbangkan dengan jumlah pendaftaran permohonan cerai 24,063 kes bagi tahun 2017 dan 2018. Apabila kadar pendaftaran kes perceraian semakin meningkat, ia akan menyebabkan kelewatan penyelesaian kes perceraian. Ini telah menampakkan keadilan tidak diuruskan dengan sewajarnya sedangkan dari segi perundangan keadilan itu bukan sekadar melaksanakannya tetapi mesti dilihat sebagai yang telah terlaksanakan (*Justice must not be done; it must also be seen to be done*).

Undang-undang mewajibkan setiap perceraian mestilah didaftarkan dan disahkan di Mahkamah. Jika perceraian itu tidak mendapat pengesahan Mahkamah, kesannya mereka berdua masih dianggap suami isteri di sisi undang-undang. Menurut Yulmina⁵ dan Norsuhaila binti Musa⁶, terdapat bermacam-macam alasan perceraian yang diajukan kepada Hakim semasa permohonan cerai. Ada diantara alasan-alasan tersebut tidak menepati fikih. Hakim dalam membuat keputusan akan membuat siasatan dan kajian dari alasan yang diberi dan melihat jika terdapat kemudharatan yang lebih besar dalam hubungan antara suami dan isteri itu apabila mereka dibiarkan meneruskan hubungan suami isteri dan hal ini sesuai dengan kaedah fikih bahawa kemudharatan harus dihindarkan sebaik mungkin. Hakim di Mahkamah Rendah Syariah mempunyai kuasa dalam mengarahkan suami untuk melafazkan talak ke atas si isteri setelah berpuashati dengan keterangan alasan. Hakim berkuasa untuk merubah kes fasakh kepada perceraian secara talak selepas disiasat dan dibicarakan. Kekuasaan Hakim di Mahkamah Tinggi Syariah ini termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, seksyen 209 Akta 585 Akta tatacara MAL bahagian XXI tentang kuasa Hakim dan Pendaftar.

⁵ Yulmina, "Multi Alasan Cerai Gugat (Tinjauan Fikih Terhadap Cerai Gugat Di Mahkamah Syar'iyah Banda Aceh Pada Perkara Nomor 0138/Pdt.G/2015/MS.Bna)" (skripsi) Falkutas Hukum Keluarga, 2019.

⁶ Norsuhaila binti Musa, *Pembubaran perkawinan dengan perintah Mahkamah satu kajian mengenai kuasa Hakim menurut enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987 Dan Hukum Syarak*. UKM: tesis, 2001.

Wan Nurul Husna Binti Wan Mohd Husni, Mohd Shabri Bin Ismail,⁷ Sofian Binti Ahmad,⁸ Menulis tentang arahan untuk menjatuhkan talak atau untuk melafazkan cerai adalah di depan Hakim di Mahkamah Rendah Syariah. Perceraian yang berlaku di luar Mahkamah akan menyebabkan kesukaran kepada isteri untuk menuntut nafkah *'iddah*, *mutaah* dan nafkah anak-anak apabila perceraian itu lambat atau tidak dilaporkan. Walaupun lafaz cerai di mana-mana sahaja adalah sah mengikut hukum syarak tetapi kalau tidak ada Undang-Undang untuk lafaz talak itu di depan Hakim Dalam Mahkamah akan menyebabkan suami dengan mudah menjatuhkan talak dan jika bukti perceraian tidak didaftarkan akan membawa masalah kepada isteri untuk bersuami lagi dan dalam hal tuntutan selepas perceraian. Walaupun terdapat Akta keluarga Islam, Wilayah Persekutuan 1984 tentang perceraian haruslah di depan Hakim di Mahkamah Syariah tetapi masih lagi berlaku perceraian di luar Mahkamah secara berleluasa.

Siti Juariah Bt Tarmuji. 2007 mengkaji tentang pemohonan cerai melalui kaedah ta'liq di mana isteri dibenarkan memohon perceraian disebabkan suami melanggar ta'liq yang dibuat selepas pernikahan di jalankan iaitu ikrar selepas sah menjadi suami isteri. Hakim di Mahkamah tidak dapat menyelesaikan kes pemohonan penceraian disebabkan melanggar ta'liq ini dengan segera disebabkan plaintif gagal mengemukakan bukti yang mencukupi dan pihak defendan gagal hadir ke Mahkamah untuk pembicaraan. Apabila satu pihak tidak hadir ke Mahkamah untuk mendengar tuntutan satu pihak lagi, maka Hakim tidak dapat meneruskan perbicaraan untuk memastikan kesahihan alasan untuk bercerai. Perbicaraan akan ditangguhkan ke satu tarikh yang sesuai dan disepakati. Jika Mahkamah mendapat permohonan perceraian yang banyak, maka sudah tentu penangguhan kes itu akan memakan masa untuk dibicarakan semula.

Menurut kajian Zaleha Kamaruddin⁹ berdasarkan kajian statistik pemohonan yang didaftar dan yang ditangguhkan terdapat hubungkait jumlah kes yang banyak dengan jumlah hakim-hakim yang mengendalikan kes. Ini terjadinya ketidakseimbang maka berlakunya isu kelewatan dalam penyelesaian kes. Ahmad hidayat buang (2003) juga sependapat dengan Zaleha Kamaruddin di mana menurut kajiannya, Kelewatan

⁷ Mohd Shabri Bin Ismail, *Perceraian di Luar Mahkamah, Permasalahan dan Implikasinya: kajian kes di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, (Kuala Lumpur: UKM Bangi, 2000).

⁸ Sofian Binti Ahmad, *Kajian mengenai Kes Perceraian Luar Mahkamah di Mahkamah Syariah di Malaysia*, (Kuala Lumpur: UKM FPI, 2005).

⁹ Zaleha Kamaruddin, "Wanita dan Kelewatan Kes di Mahkamah Syariah: Antara Persepsi dan Realiti", dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, (Selangor: Ilmiah Publishers, 2001).

penyelesaian kes perceraian juga menyebabkan isteri tidak dapat melakukan tuntutan nafkah iddah, nafkah anak-anak dan tuntutan harta sepencarian. Hasil kajian Nik Roslina Raja Ismail (1999) pula mendapati bahawa kelewatan penyelesaian kes perceraian ini bukan sahaja berlaku di Mahkamah Syariah tetapi juga berlaku kelewatan selesai kes perceraian di Mahkamah Sivil malah di Mahkamah sivil lebih banyak kes yang tertangguh. Menurut hasil kajian Noor Aziah Mohd Awal¹⁰ berdasarkan penelitian ke atas statistik penyelesaian kes, didapati paling banyak kes yang selesai dalam tempoh masa yang paling singkat iaitu enam bulan dimana ia merupakan kes yang tidak mempunyai bantahan para pihak untuk bercerai di dalam prosiding malah ia merupakan persetujuan bersama suami dan isteri untuk bercerai.

Merujuk kepada penulisan Raihanah Abdullah (2009) tentang kelemahan sistem pentadbiran keadilan Mahkamah Syariah apabila terdapat banyak penangguhan kes sehingga pihak media memaparkan kelemahan Mahkamah Syariah sehingga masyarakat memandang rendah kepada keupayaan Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes-kes perceraian. Isu penangguhan kes di Mahkamah Syariah telah memberi kesan negatif kepada Wanita kerana 'pelanggan utama' Mahkamah Syariah adalah kaum Wanita yang datang ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan hak dan perlindungan sebagaimana yang telah diperuntukan oleh undang-undang. Dalam kajian Sharifah Zaleha menunjukkan bahawa Wanita kadangkala terpaksa menunggu beberapa tahun hanya untuk mendapatkan keputusan dan perintah dari Mahkamah Syariah dalam perceraian.¹¹

Apabila terjadinya persengketaan rumah tangga atau shiqaq antara suami dan isteri, adalah perlu kepada seseorang untuk mententeramkan atau mendamaikan mereka agar mereka boleh berbaik semula. Melalui penulisan NurFathin bt NorZamri 2018 dan Salihuddin Muda 2016 bahawa setiap suami isteri yang memohon perceraian itu haruslah didamaikan mengikut perintah Mahkamah. Prosedur mendamaikan adalah untuk mendapatkan keputusan sama ada untuk berbaik atau bercerai. Seperti mana di dalam perkara (5) seksyen 47 bahagian V Enakmen 2 Tahun 2003 EUKIS ada menyatakan bahawa *Jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian, Mahkamah boleh melantik suatu jawantankuasa pendamai*. Dibawah perkara (6), *Mahkamah melantik dua orang saudara untuk pendamaian kedua pihak*. Hakim di Mahkamah tidak mudah untuk terus membuat

¹⁰ Noor Aziah Mohd. Awal, "Divorce In Accordance With Islamic Law In Malaysia: Law And Practice", *IKIM Law Journal*, Vol. 5 No. 2, 2001.

¹¹ Zaleha Kamaruddin, "*Wanita dan Kelewatan Kes di Mahkamah Syariah: Antara Persepsi dan Realiti*", dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, (Selangor: Ilmiah Publishers, 2001).

keputusan kerana sebolehnya Hakim akan cuba untuk mempertahankan rumahtangga pasangan yang bertelingkah. Menurut Nur Zulfah Md Abdul Salam (2021), jawatankuasa Pendamai dan Hakam mempunyai bidang tugas dan kuasa sedia ada yang diperuntukan dalam Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia dan penglibatannya sinonim dalam kes perceraian jika salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian. Perlantikan jawatankuasa pendamai dan Hakam adalah berasas dan boleh membantu menyelesaikan masalah para pihak yang bersengketa frngan menentukan masalah srkiranya perkawinan diteruskan atau terbukti gagal kerana shiqaq.

Menurut penulisan Asma Solehah Binti Mustaffa Kamal¹² dan M. Al Fattah b. Abu Bakar 2018 Hakam di Jabatan Kehakiman berperanan untuk mendamaikan atau menjadi penengah antara pasangan suami isteri yang sedang bersengketa dengan cara meneliti dan mencari titik akar permasalahan; Sepertimana di dalam perkara 14 seksyen 47 bahagian V Enakmen 2 Tahun 2003 UKIS menyatakan: *Jika jawatankuasa tidak dapat mencapai pendamaian dan Mahkamah tidak dapat mendapatkan suami untuk menjatuhkan satu talak atau suami enggan menjatuhkan satu talak , Mahkamah hendaklah merujuk kes kepada Hakam untuk tindakan menurut seksyen 48.* Suami isteri itu telah di arahkan untuk mengangkat Hakam dari ahli keluarga dan apabila tidak berhasil mendamaikan, diserahkan kepada majlis tahkim untuk membuat kesimpulan untuk dirujuk kepada Mahkamah. Menurut perkara (6) Seksyen 47, *Jawatankuasa hendaklah berusaha mencapai pendamaian dalam tempoh 6 bulan atau dalam tempoh yang lebih lama atas persetujuan Mahkamah.* Tujuan keutamaan pemilihan hakam dari kalangan anggota keluarga mereka yang terlibat ialah mereka boleh memainkan peranan dengan berkesan serta mampu mempengaruhi jiwa kedua-dua belah pihak lebih baik daripada orang luar. Anggota keluarga ini mampu melihat dan memerhati masalah dalaman yang berlaku dan tahu cara sesuai untuk menyelesaikannya.¹³

Sepertimana yang tercatat dalam Seksyen 48 Enakmen 2 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor tahun 2003 perkara (1) dan (2) iaitu (1) *Jika Mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (shiqaq) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah boleh melantik, mengikut Hukum Syarak, dua orang penimbangtara atau Hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing.*

¹² Asma Solehah Binti Mustaffa Kamal, "Penjatuhan Talak oleh Hakam (Analisis Seksyen 48 Enakmen Keluarga Islam Perak, Malaysia)" (skripsi), Mahasiswa Fakultas Syari'ah dan Hukum. UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2018.

¹³ Salleh Ismail, *Pembubaran Perkasinan mengikut fiqh dan Undang-Undang Perkawinan Islam.* (Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2003).

(2) Pada melantik Hakam di bawah subseksyen (1) Mahkamah hendaklah, jika boleh, memberi keutamaan kepada saudara-saudara karib pihak-pihak yang berkenaan itu yang tahu akan hal keadaan kes itu.

Menurut Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana dan Siti Amalina, Penggunaan Hakam dalam Mahkamah adalah merupakan satu kaedah yang berlandaskan hukum syarak yang diberi kuasa dalam menyelesaikan persengkataan suami isteri dengan keputusan untuk berdamai atau bercerai. Tinjauan yang dilakukan oleh Khairuddin Hasballah,¹⁴ tentang kekuasaan hakam yang juga dikenali sebagai hakim yang menyelesaikan sengketa suami-isteri yaitu diberi kuasa untuk menyatukan hubungan pernikahan suami isteri yang berselisih atau boleh juga memutuskan dengan menceraikan keduanya menurut pemikiran Ibn Qayyim. Hakim berkuasa untuk memberikan ruang perdamaian kepada suami isteri. Hakim tidak saja menerima permohonan perceraian tanpa menyiasat dan memberi ruang untuk memberi alasan-alasan yang munasabah.

C. HASIL KAJIAN

Di dalam pelaksanaan sistem *Fast Track* ini tidak menggunakan pendamai atau Hakam yang memerlukan perdamaian dalam tempoh 6 bulan dan penggunaan kuasa hakam dalam tempoh 3 bulan. Prosedur untuk memutuskan perkawinan atau pembubaran perkawinan sistem *Fast Track* hanya mempergunakan perkara (1), (2), (3) dan (4) yang tercatat dalam sekseyen 47 bahagian V Enakmen 2 Tahun 2003 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor.

Sistem ini merupakan satu tranformasi perundangan yang merealisasikan manifestasi kerajaan yang sentiasa mendahulukan dan mengutamakan kemaslahatan setiap masyarakat. Nur Farhana Abdul Manan pada Julai 2019 menulis di Buliten Sinar Harian tentang pandangan Setiausaha Persatuan Seribu Impian, Norfezah Ahmad tentang kewujudan kaunter khas *Fast Track* memudahkan pasangan yang ingin bercerai kerana tidak perlu menunggu lama untuk proses perceraian. Apabila dokumen telah lengkap dan kedua-dua hadir di Mahkamah pada masa yang sama dan wujud persetujuan bersama untuk bercerai secara baik dan harmoni. maka permohonan akan diproses dan dibicarakan pada hari yang sama jika permohonan dibuat awal pagi sebelum jam 10.00 pagi. Kesan inisiatif ini dilihat telah menggalakkan para suami untuk menceraikan isteri mereka

¹⁴ Khairuddin Hasballah, "Studi pemikiran Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah tentang Hakam dan Relevansinya dengan mediasi Di Pengadilan Agama", (journal) <http://journal.arraniry.ac.id/index.php/samarah>, 2019.

dengan baik apabila terjadinya pecah belah dalam perkawinan yang sudah tidak dapat diperbaiki. Secara tidak langsungnya telah dapat mengurangkan masalah Wanita yang mendakwa dirinya telah 'digantung tidak bertali' apabila perceraian memakan masa yang lama untuk diputuskan. Sistem *Fast Track* ini juga menjimatkan masa dan kos para pihak yang terlibat dan memberi peluang kepada keduanya untuk membina hidup baru tanpa membuka aib masing-masing dan dapat mengelakan daripada bermusuhan kesan daripada perbicaraan yang panjang di Mahkamah.¹⁵ (Bernama 2019)

Terbitan Buletin JAKESS 2015 mengharapkan agar Kesan Pelaksanaan KFA ini akan memberi kesan positif ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan kepuasan pelanggan di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor. Disamping itu dapat menghasilkan satu penambahbaikan proses pengurusan kes seksyen 47 EUKIS 2003 dengan lebih cepat dan sistematik. Cara ini dapat membantu pihak-pihak menjimatkan masa berurusan di Mahkamah terutamanya bagi pihak yang datang dari jauh dan sukar untuk sering mengambil cuti. Dapat juga membantu JAKESS dalam mencapai objektif kualiti dan piagam pelanggan berkaitan tempoh pengeluaran perintah perceraian dalam masa 30 hari daripada tarikh keputusan dibuat. Secara langsung juga dapat menjimatkan kos perbelanjaan JAKESS dalam penggunaan kertas, dakwat, setem dan bil telefon serta meringankan beban tugas kakitangan berkaitan proses carian perintah.

Jadual 2

Title:		Statistik Kes Perceraian 2015 Sehingga 2021					
Report time:		8/25/2022 3:04:15 PM					
Jenis Kes Kod Nama	Daerah	2015			2016		
		Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak	Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak
055 - Tuntutan Perceraian	Ampang	402	303	0	430	327	1
	Gombak Barat	543	409	7	618	490	16
	Gombak Timur	374	277	3	379	291	3
	Hulu Langat	741	399	0	848	355	0
	Hulu Selangor	270	224	1	354	238	2
	Klang	593	463	3	803	658	2
	Kuala Langat	264	211	0	317	239	0
	Kuala Selangor	279	49	0	350	224	2
	Petaling Jaya	708	552	1	746	482	0
	Sabak Bernam	170	133	0	209	179	0
	Sepang	236	182	5	293	222	2
	Shah Alam	740	496	6	778	552	5
	All		5,320	3,698	26	6,125	4,257

Sambungan jadual 2

2017			2018			2019		
Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak	Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak	Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak
420	274	1	423	154	0	502	133	0
568	418	18	607	470	17	660	482	16
357	259	1	319	230	0	417	310	1
981	285	0	968	268	0	1,183	389	5
370	232	0	303	210	1	365	256	2
899	699	7	880	666	6	1,010	745	11
341	240	0	340	127	0	434	160	0
369	250	1	352	245	2	425	299	1
842	529	0	851	436	1	979	357	8
171	127	0	171	131	0	171	123	2
324	242	5	331	238	4	358	266	5
822	554	1	847	610	0	1,000	703	4
6,464	4,109	34	6,392	3,785	31	7,504	4,223	55

2020			2021			All		
Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak	Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak	Daftar	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan Ditolak
383	272	0	328	241	0	2,888	1,704	2
527	373	10	445	337	12	3,968	2,979	96
323	236	0	257	198	0	2,426	1,801	8
873	277	1	806	307	4	6,400	2,280	10
272	199	3	261	195	2	2,195	1,554	11
776	600	3	644	471	4	5,605	4,302	36
337	122	0	279	76	0	2,312	1,175	0
339	247	5	333	246	3	2,447	1,560	14
833	340	7	713	363	6	5,672	3,059	23
169	127	0	157	100	0	1,218	920	2
330	236	3	291	176	0	2,163	1,562	24
841	623	5	630	456	2	5,658	3,994	23
6,003	3,652	37	5,144	3,166	33	42,952	26,890	249

Sumber : Rosliza Abd Rashid (esyariah-hq-selangor)

Analisis di buat ke atas statistik di jadual 2 di atas tentang jumlah permohonan tuntutan perceraian talak (kod 055) yang berlaku pada Januari hingga Desember dari tahun 2015 sehingga 2021 bagi seluruh 12 Mahkamah Rendah Syariah daerah di Negeri Selangor. Di ruang terakhir berwarna biru statistik memperlihatkan jumlah permohonan yang diterima sebanyak 42,952, permohonan yang diluluskan sebanyak 26890 dan permohonan yang ditolak sebanyak 249 bagi 7 tahun.

Penelitian dibuat ke atas empat Mahkamah Rendah Syariah yang menerima permohonan yang paling banyak sepanjang 7 tahun iaitu pertama. Mahkamah Rendah Syariah daerah Hulu Langat menerima sebanyak 6,400 permohonan, permohonan berjaya diluluskan adalah sebanyak 2,280 bersamaan 36% dan 10 permohonan yang ditolak maka terdapat baki sebanyak 4,110 bersamaan 64% permohonan yang tertangguh. Kedua, Mahkamah Rendah Syariah daerah Klang menerima permohonan sebanyak 5,605, sebanyak 4,302 bersamaan 77% permohonan yang diluluskan dan selesai, yang ditolak sebanyak 36 permohonan dan baki 1,267 bersamaan 23% permohonan yang tertangguh. Ketiga, Mahkamah Rendah Syariah daerah Petaling Jaya menerima sebanyak 5,672 permohonan, sebanyak 3,059 bersamaan 54% permohonan diluluskan dan selesai, 23 permohonan ditolak dan baki 2,590 bersamaan 46% permohonan tertangguh. Keempat, Mahkamah Rendah Syariah daerah Shah Alam menerima 5,658 permohonan, sebanyak 3,994 bersamaan 71% permohonan diluluskan dan selesai, 23 permohonan ditolak dan baki 1,641 bersamaan 29% permohonan tertangguh.

Jadual 3

KES FAST TRACK										
BIL	NAMA MAHKAMAH	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	Jumlah
1	MRS SHAH ALAM	99	248	165	302	297	353	174	233	1871
2	MRS AMPANG	80	158	105	154	165	159	119	106	1046
3	MRS PETALING	201	563	306	291	293	408	197	251	2510
4	MRS GOMBAK TIMUR	48	215	159	126	133	198	68	76	1023
5	MRS GOMBAK BARAT	166	412	238	263	270	70	85	114	1618
6	MRS HULU SELANGOR	52	161	74	78	135	145	84	103	832
7	MRS KLANG	140	500	456	400	483	391	313	289	2972

Sumber: M.Tajudin @ esyariah.gov.my

Dalam Jadual 3 di atas dapat dilihat penggunaan sistem perceraian fast track di kesemua 12 Mahkamah Rendah Syariah daerah di Negeri Selangor mulai tahun 2015 sehingga bulan jun tahun 2022. Perbandingan akan di lakukan untuk permohonan dari tahun 2015 sehingga 2021 bagi 4 Mahkamah Rendah Syariah daerah yang telah menerima permohonan perceraian talak (kod 055) yang tertinggi. Apabila dokumen telah lengkap dan suami isteri hadir di Mahkamah pada masa yang sama dan wujud persetujuan bersama untuk bercerai secara baik dan harmoni. maka permohonan akan diproses dan dibicarakan pada hari yang sama jika permohonan dibuat awal pagi sebelum jam 10.00 pagi. Dapat dilihat bahawa Mahkamah Rendah Syariah daerah Hulu Langat telah memproses sebanyak 2,107 permohonan fast track yang menyumbang sebanyak 92% kepada 2,280 jumlah permohonan berjaya diluluskan. Mahkamah Rendah Syariah daerah Klang memproses permohonan fast track sebanyak 2,683 menyumbang sebanyak 62% kepada 4,302 jumlah permohonan yang telah diluluskan dan selesai. Mahkamah Rendah Syariah daerah Petaling Jaya menerima sebanyak 2,259 permohonan fast track telah menyumbang sebanyak 74% kepada 3,059 jumlah permohonan yang diluluskan dan selesai, Mahkamah Rendah Syariah daerah Shah Alam telah memproses 1,638 permohonan fast track yang menyumbang 41% kepada 3,994 jumlah permohonan yang diluluskan dan selesai.

Jadual 4

MS daerah	Jumlah permohonan Perceraian talak	Kes Fast track Yang diluluskan	Jumlah Permohonan Yang diluluskan	Peratus Kes fast track yang diluluskan dalam kod 055
Hulu Langat	6400	2107	2280	92%
Klang	5605	2683	4302	62%
Petaling	5672	2259	3059	74%
Shah Alam	5658	1638	3994	41%

Jadual 4 merupakan rumusan hasil penelitian dalam jadual 2 dan jadual 3 bagi 4 Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Selangor yang paling tertinggi permohonan perceraian talak (kod 055) dari tahun 2015 sehingga 2021, maka dapat dilihat bahawa banyaknya penggunaan sistem perceraian *fast track* yang mana telah membantu mempercepatkan proses perceraian tuntutan talak suami dan isteri yang bersengketa. Adalah difahamkan melalui syarat-syarat itu bahawa semua permohonan fast track itu dapat dibicarakan dan diluluskan hingga keluar perintah pada hari yang sama permohonan dibuat.

Wawancara bersama Puan Salasiah binti Shamsudin, Penolong pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor didapati permohonan yang datang tidak semuanya tahu tentang wujudnya sistem perceraian fast track ini. Ini adalah kerana kurang memahami atau kurang mendapat informasi tentang sistem ini. Semasa di kuanter pendaftaran, permohonan perceraian akan diterangkan tentang perbezaan diantara sistem perceraian 'fast track' dengan sistem perceraian 'sebutan kes' dan permohonan akan diberi pilihan sistem mana yang akan digunakan untuk memproses permohonan tersebut. Siasatan akan dilakukan di kuanter pendaftaran sebelum permohonan di daftarkan dan fail permohonan ditandakan 'fast track'. Puan Salasiah juga menerangkan bahawa

permohonan menggunakan sistem fast track ini akan diberi keutamaan untuk dibicara terlebih dahulu di depan Hakim jika permohonan didaftarkan sebelum 10 pagi. Jika permohonan hendak didaftarkan selepas jam 10 pagi, permohonan akan diminta untuk datang lagi keesokan nya sebelum jam 10 pagi. Hasil soal selidik yang dilakukan oleh Mahkamah Rendah Syariah ke atas pasangan yang telah diluluskan perceraian melalui sistem fast track didapati 95% telah pun bepuashati kerana telah dapat membantu pasangan ini mengatasi masalah memohon cuti dan mengurangkan kos kalau terpaksa berulang ke Mahkamah.

Menurut Hakim Muhammad Mustaqim bin Darus yang bertugas di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Pembantu dewan bicara akan memastikan proses perceraian melalui sistem fast track ini selesai sehingga keluar perintah pada hari yang sama perbicaraan dilakukan. Walaupun siasatan telah dilakukan sebelum pendaftaran permohonan di kuanter pendaftaran, Hakim akan membuat siasatan lagi semasa di dalam dewan bicara. Jika ada permohonan yang melanggar syarat-syarat seperti isteri datang haid atau telah berlaku hubungan kelamin maka proses perceraian itu akan ditangguhkan. Andaikata hasil penyiasatan hakim didapati lafaz cerai telah pernah dilakukan di luar Mahkamah maka permohonan fast track itu akan dibatalkan dan akan di minta membuat permohonan baru iaitu permohonan tuntutan Pengesahan lafaz cerai (kod 054). Katanya lagi jumlah permohonan perceraian fast track dalam jadual 3 itu adalah merupakan permohonan yang diluluskan dan selesai sehingga perintah di keluarkan. Hakim Muhammad Mustaqim menerangkan lagi sistem perceraian fast track ini telah mencapai matlamat JAKESS dalam mengatasi kelewatan selesai permohonan perceraian atas persetujuan bersama.

KESIMPULAN

Kajian melalui statistik permohonan perceraian yang dilakukan dalam memperlihatkan sistem perceraian fast track dapat membantu mempercepatkan urusan permohonan perceraian yang menjimat masa dan kos pembelanjaan perjalanan ke Mahkamah serta tidak mengganggu urusan pejabat suami isteri yang hendak bercerai dengan terpaksa mengambil cuti bagi yang bekerja berulang kali jika kes ditangguhkan.

Sistem *Fast Track* ini membantu mempercepatkan proses perceraian setiap pasangan yang telah ada persengketaan rumah tangga yang lama. Menurut tinjau *Maqasid*

Syariah, sistem perceraian ini memberikan menafaat kepada kedua-dua suami isteri untuk meneruskan kehidupan yang lebih tenteram dan tidak terikat dengan perkawinan yang tidak lagi harmoni.

Inisiatif yang diambil itu adalah suatu bentuk inovasi yang memberi kebaikan yang besar kepada sistem perundangan dan kehakiman syariah khususnya di Negeri Selangor, sekali gus memberi keadilan kepada semua pihak dan menjamin perkhidmatan yang terbaik, cepat, efektif dan efisien. Keberkesanan pelaksanaan sistem ini mencapai objektif JAKESS untuk menyelesaikan masalah pentadbiran Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor. Diharapkan keberkesanan sistem ini boleh digunakan oleh Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah di negeri-negeri lain di Malaysia yang juga menghadapi permohonan perceraian yang tinggi.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md. Supi, (2006). *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*. hlm 17-18 Kuala Lumpur : IKIM
- Abdul Walid Abu Hassan, 2016. *Hak-hak Wanita menurut Undang-Undang Keluarga Islam .di Malaysia*, hlm. 42-43. Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Antoni, " *Talak di luar Pengadilan menurut fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh Nomor 2 Tahun 2015 tentang Talak*" (skripsi), Mahasiswa Fakultas Syari'ah dan Hukum, UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2017.
- Asma Solehah Binti Mustaffa Kamal, " *Penjatuhan Talak oleh Hakam (Analisis Seksyen 48 Enakmen Keluarga Islam Perak, Malaysia)*" (skripsi), Mahasiswa Fakultas Syari'ah dan Hukum. UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2018.
- Bername, 2019. *Proses cerai 'fast track' elak wanita digantung tak bertali*. Astroawani.com/berita-malaysia/proses-cerai-fast-track-elak-wanita-digantung-tak-bertali.
- Buliten Jakess 2015. *Selangor Perkenal Proses Kerja Fast Track Kes Cerai*. Keluaran 25 bil. 2/2015.
- El-Usrah: Jurnal Hukum Keluarga <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/usrah/index> Vol. 2 No.1 Januari-Juni 2019 ISSN: 2549 – 3132 || E-ISSN: 2620-8083
- Ely Nazihah binti Ahmad Yunus *Kajian Sistem Perceraian Fast Track: Satu Metode dalam menyelesaikan Kes Perceraian*. Artikel Sistem Fast Track (2) pdf.. coursehero.com
- Enakmen 2 Tahun 2003, " *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam* " (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 47

- Hammad Mohamad Dahalan Pensyarah Fakulti Peradaban Islam, KUIS kerjasama Mohamad Azhan Yahya Pensyarah Fakulti Undang-undang, UKM.
- Kamalia binti Khairud din (2019). *Fast Track sebagai salah satu kaidah perceraian kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Negeri Selangor (Studi Kasus di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Selangor)*. Skripsi: epository.uinsu.ac.id/8990/1/SKRIPSI%20FULL.pdf
- Khairuddin Hasballah, "Studi pemikiran Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah tentang Hakam dan Relevansinya dengan mediasi Di Pengadilan Agama", (journal) [http://journal, arraniry.ac.id indexphp samarah](http://journal.arraniry.ac.id/index.php/samarah), 2019.
- Ms.m. wikipedia.org/wiki/Selangor,
- Mohd Irfan Najmy bin Mohd Nazly. *peranan unit khidmat dan nasihat keluarga jabatan agama islam kedah dalam upaya menurunkan angka perceraian (studi kasus di jabatan agama islam kedah, malaysia)*. mahasiswa fakultas syari'ah dan hukum prodi hukum keluarga fakultas syari'ah dan hokum UIN ar-raniry, banda aceh 1440 h/ 2019.
- Mohd Shabri Bin Ismail. 2000. *Perceraian di Luar Mahkamah, Permasalahan dan Implikasinya: kajian kes di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. UKM Bangi.
- Muhamad AlFattah bin Abu Bakar, "Peran Hakam (Juru Damai) di dalam mengatasi perceraian (studi di Jabatan Kehakiman Syari'ah Pulau Pinang, Malaysia)" (skripsi), Fakultas Syari'ah dan Hukum, UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2018.
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor dan Siti Amalina Ahmad Khairundin (2020). *Hakam dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*. Selangor: Unisel
- Nik Roslina bt Raja Ismail (1999), "Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa yang diambil untuk Menyelesaikan Kes-kes berhubung Perceraian serta Keckerapan Penangguhan Kes di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil," Modul Praktikum, Diploma Pengurusan Awam, INTAN.
- Noor Aziah Mohd. Awal (2001), "Divorce In Accordance With Islamic Law In Malaysia: Law And Practice", IKIM Law Journal, Vol. 5 No. 2.
- Norsuhaila binti Musa 2001. *Pembubaran perkawinan dengan perintah Mahkamah satu kajian mengenai kuasa Hakim menurut enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987 Dan Hukum Syarak*. UKM: tesis.
- Nur Farhana Abdul Manan 2019. *Proses cerai 'Fast track' mudahkan pasangan*. <https://www.sinarharian.com.my>.
- Nur Fathin binti Nor Zamri, "Peran Lembaga Konsultasi Dalam Mediasi Perselisihan Rumah Tangga (Kajian di Jabatan Hak Ehwat Agama Islam Pulau Pinang)" (skripsi), mahasiswa Fakultas Syati'ah dan Hukum, UIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2018.

- Nur Zulfah binti Md Abdul Salam. 2019. *Perceraian secara fast track*. Buletin kuis. Fsu.kuis.edu.my/images/krc/buletin/artikel-2019.pdf.
- Nur Zulfah binti Md Abdul Salam.. 2021. *Penglibatan Jawatankuasa Pendamai dan Hakam dalam Penyelesaian tuntutan cerai*. Journal for Islamic Studies 7(1): 1-15.
- Perlembagaan Malaysia Tahun 1984, “*Kekuasaan Mahkamah Syariah, Akta 355 UU Malaysia*”
- Portal Mais 2019. *Penjelasan Isu “Kuanter khas (Fast Track) Penceraian*.<https://www.mais.gov.my>.
- Raihanah Abdullah. 2009. Penangguhan kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan penyelesaian. Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1 (2009) 1-30.
- Salihuddin, “*Prosedur Mediasi menurut PERMA No. 1 Tahun 2008(studi Kasus Mahkamah Syar’iyah Banda Aceh)* (skripsi), Mahasiswa Fakultas Syari’ah dan Hukum, UIN Ar-Raniry, Banda Aceh,2016.
- Salleh Ismail. 2003. *Pembubaran Perkasinan mengikut fiqh dan Undang-Undang Perkawinan Islam*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Siti Juariah Bt Tarmuji. 2007. *Kelewatan Prosiding Ta’liq di Mahkamah Syariah Satu Kajian Di Negeri Perak*. UKM FPI.
- Sofian Binti Ahmad . 2005 *Kajian mengenai Kes Perceraian Luar Mahkamah di Mahkamah Syariah di Malaysia*. UKM FPI.
- Undang-undang, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 atau (pindaan) seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003.
- Wan Nurul Husna Binti Wan Mohd Husni, Yazid Maarof, Mohamad Kamil Ab. Majid. 2015. *Panduan Fiqh Munakahat, Pembelajaran Islam Amali*. Selangor: Hazrah Enterprise.
- Wahbah Al-Zuhaili 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam jilid VII*, hlm 472, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yazid Maarof, Mohamad Kamil Ab. Majid. 2015. *Panduan Fiqh Munakahat, Pembelajaran Islam Amali*. Selangor: Hazrah Enterprise.
- Yulmina,”*Multi Alasan Cerai Gugat(Tinjauan Fikih Terhadap Cerai GugatDi Mahkamah Syar’iyah Banda Aceh Pada Perkara Nomor 0138/Pdt.G/2015/MS.Bna)*”(skripsi) *Falkutas Hukum Keluarga,2019*.
- Zaleha Kamaruddin (2001), “*Wanita dan Kelewatan Kes di Mahkamah Syariah: Antara Persepsi dan Realiti*”, dalam Raihanah Abdullah (ed.), *Wanita dan Perundangan Islam*, Selangor: Ilmiah Publishers. Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah:

Cabaran Dan Penyelesaian 29 AKTA Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah
(Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998.